

Belia: Panduan dari Dr. M

JOHOR BAHARU, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, mengingatkan kaum belia bahawa pengetahuan dan kemahiran sahaja tanpa etika kerja yang baik belum dapat menjadikan bangsa Malaysia maju dan progresif.

Perdana Menteri menegaskan, disiplin dan usaha adalah tangga kejayaan dan bella yang berjaya adalah jaminan negara yang bahagia.

Bellau menyatakakan demikian dalam perutusannya dalam keluaran sulung majalah "Tunas Pertama" sempena tamat latihan 224 orang belia dari Kem Latihan Kobena di Jalan Pontian, kira-kira 23 kilometer dari sini.

Mereka yang tamat latihan semalam akan membina kampus Universiti Teknologi Malaysia dekat sini.

Di antara mereka itu, Robaini Satar dipilih sebagai pelatih terbaik keseluruhannya dan memenangi Piala Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Ahmad Awang pula memenangi Piala Duta Besar Korea Selatan kerana pelatih terbaik dalam bidang "saemaui undong" - satu konsep jaya diri orang Korea.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia